



SABAH, MALAYSIA

Warta Kerajaan

Diterbitkan dengan kuasa

Jil. LXXV]

KOTA KINABALU, KHAMIS, 9 APRIL 2020

[No. 15

Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.

DATUK HAJI SAFAR BIN UNTONG,
Setiausaha Kerajaan Negeri.

No. 164

[No. DUNS: (S) 600-8/1 (94)

DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH YANG KELIMA BELAS
PENGAL KETIGA

PERISYTIHARAN

BAHAWASANYA Fasal (1) Artikel 21 Perlembagaan Negeri Sabah memperuntukkan bahawa Yang di-Pertua Negeri Sabah boleh dari semasa ke semasa memanggil Dewan Undangan Negeri bersidang.

DAN BAHAWASANYA Dewan Undangan Negeri Sabah melalui Pengisytiharan yang bertarikh pada 26 Februari 2020 telah dipanggil untuk mengadakan MESYUARAT PERTAMA dalam Penggal KETIGA Dewan Undangan Negeri Sabah Yang KELIMA BELAS pada 16, 20, 21, 22 & 23 April 2020 dan bahawasanya keadaan kini menghendaki supaya MESYUARAT PERTAMA dalam Penggal KETIGA Dewan Undangan Negeri Sabah Yang KELIMA BELAS hanya diadakan pada 16, 20 dan 21 April 2020 sahaja.


OLEH HAL YANG DEMIKIAN, maka saya, TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN, Seri Maharaja Mangku Negara, Seri Panglima Darjah Kinabalu, Panglima Gemilang Darjah Kinabalu, Panglima Jasa Negara, Ahli Setia Darjah Kinabalu, Jaksa Pendamai, Hon. Ph.D (UoW) United Kingdom, YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH mengisytiharkan bahawa MESYUARAT PERTAMA dalam Penggal KETIGA Dewan Undangan Negeri Sabah Yang KELIMA BELAS yang telah ditetapkan pada 16, 20, 21, 22 & 23 April 2020 adalah dengan ini hanya diadakan pada 16, 20 dan 21 April 2020 sahaja.

PERISYTIHARAN - (*samb.*)

Pengisytiharan bertarikh 26 Februari 2020 adalah dengan ini dipinda.

DIKELUARKAN dengan tandatangan saya dan Mohor Kerajaan Negeri Sabah pada hari ini 9 haribulan APRIL 2020.

TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN,
Yang di-Pertua Negeri Sabah.



Dengan Perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Ketua Menteri Sabah.

Kadar langganan berikut bagi Warta Kerajaan Negeri Sabah yang berkuat kuasa mulai daripada 1 Januari 2020 adalah diterbitkan untuk makluman Umum:

KADAR LANGGANAN UNTUK TAHUN 2020

Warta Kerajaan termasuk tambahan-tambahan:- (Tidak termasuk Tambahan Tanda Perdagangan)

	RM				
Langganan Tahunan di dalam Malaysia	120.00	
Langganan Tahunan di luar Malaysia	180.00	
Tambahan Tanda Perdagangan (untuk satu keluaran)				2.40	
Sesuatu naskhah <i>Warta</i> Kerajaan, Tambahan-tambahan, Rang Undang-undang, Laporan Dewan Undangan Negeri, Pekeliling dan lain-lain.					
Tidak lebih daripada 8 muka	1.80	
Tidak lebih 9 hingga 16 muka	2.40	
Tidak lebih 17 hingga 32 muka	3.00	
Tidak lebih 33 hingga 48 muka	3.60	
Tidak lebih 49 hingga 64 muka	4.20	
Tidak lebih 65 hingga 96 muka	5.40	
Lebih daripada 96 muka	7.20	dan tambah RM1.20 untuk setiap 32 muka yang lebih.

Senaskhah Tahunan Tambahan Pertama dan Kedua serta
indeks 2019 (dijilid dengan Kulit Keras) RM 42.00

Kadar-kadar di atas adalah termasuk belanja Pos biasa (mel laut).

Pengiriman Wang hendaklah dialamatkan kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, Kota Kinabalu, Sabah. Cek dan Wang Pos hendaklah dibuat pembayarannya kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, dan dipalng “& Co”.

Untuk Makluman

- (1) Pelanggan bagi Warta Kerajaan Negeri dan terbitan-terbitan Kerajaan lain seperti Laporan Tahunan, Laporan Jabatan dan sebagainya hendaklah di-alamatkan kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, Km. 4, Jalan Tuaran, Beg Berkunci 2004, 88554 Kota Kinabalu.
- (2) Pelanggan-pelanggan yang hendak mendapatkan Warta Kerajaan Persekutuan hendaklah memohon terus kepada Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Jalan Chan Sow Lin, 50554 Kuala Lumpur.

